

Hari 02 | Bersiap Sedia untuk Berdoa di Beirut

Bayangkan seorang pemuda Muslim memandang kawasan kejirannya yang hancur dari rumah pangsaanya di Beirut Selatan. Orang-orang Israel sememangnya telah membawa kesan yang kekal pada bandar ini. Fikiran pemuda ini kembali kepada siren serangan udara dan bom-bom yang dijatuhkan. Hidup tidak senang sejak kedai di mana dia bekerja dimusnahkan oleh bom. Dia sekarang membuat kerja sampingan untuk rakan-rakan dan ahli-ahli keluarganya kerana dia tidak lagi mempunyai kerja tetap.

Bahkan hanya memikirkan keadaan kewangannya membuatnya rasa sakit hati. Dia rasa gelisah, kecewa, tidak damai.

Sementara itu, di luar, seorang bilal menyelesaikan panggilan azan melalui alat pembesar suara. Pemuda ini membuat keputusan untuk berdoa di rumahnya sendiri dan bukan di masjid. Sebelum itu dia mengamalkan cara membersihkan diri untuk mentahirkan dirinya. Di dalam bilik mandinya yang sempit, dia bermula dengan memaklumkan tujuannya mentahirkan dirinya dan

berdoa dengan mengucap “Bismillah” (dalam nama Allah). Kemudian dia mencuci tangannya sehingga pergelangan tangannya sebanyak tiga kali. Dia berkumur dengan air tiga kali dan membersihkan lubang hidungnya dengan menyedut air melaluinya sebanyak tiga kali. Kemudian dia mencuci seluruh mukanya sebanyak tiga kali menggunakan kedua-dua belah tangannya, bermula dari dahinya ke dagunya dan dari sebelah telinga ke sebelah yang lain. Akhirnya dia mencuci tangannya tiga kali sehingga ke siku dan mengakhiri dengan mencuci

Hari 02 | Bersiap Sedia untuk Berdoa di Beirut

telinganya dan kedua belah kaki.

Kemudian pemuda ini teringat akan malam semalam. Dia berada dekat dengan bar di Gemmayzeh, di kawasan kejiranan “Kristian” Beirut. Ramai gadis-gadis cantik yang berada di sana. Pemuda Muslim ini memang ingin memasuki bar itu, tetapi dia tidak mempunyai banyak wang kebelakangan ini. Rasa marahnya semakin meningkat semasa dia memikirkan konflik dengan Israel dan orang-orang Kristian. Tiada kerja, sedikit wang sahaja. Tiada damai.

Dia membentangkan tikar/sajada-nya.

Bahan-bahan Doa:

* Orang-orang Muslim Beirut mentahirkan diri mereka secara luaran untuk berdoa, tetapi ramai mendapati bahawa ketidakadilan, kesakitan, dan cubaan memenuhi fikiran mereka. Jika mereka dapat menemui damai yang sebenar dengan Tuhan, ini akan melepaskan mereka untuk mengampuni dan mengasihi orang lain. Berdoalah agar mereka dapat menemui Tuhan yang benar-benar mengampuni dan

menyucikan. (Mat 18:23-35, Roma 5:1-5).

* Berdoalah agar gereja di Lubnan akan menjadi “garam dan terang” di dalam bandar ini, dan agar Tuhan akan dimuliakan melalui segala yang dikatakan dan dilakukan. Terdapat ramai orang-orang Kristian “budaya” yang tidak mengamalkan keKristianan di kalangan orang-orang Lubnan. (Mat. 5:14-16; Roma 12:1-2).

* Tuhan mempunyai tujuan dan rancanganNya tersendiri untuk Israel, tetapi bagi orang-orang Muslim (dan sering kali juga orang-orang Kristian) di Lubnan, mereka rasa sukar

Hari 02 | Bersiap Sedia untuk Berdoa di Beirut

untuk memahami bagaimana mengasihi ataupun menghargai Israel. Berdoalah agar Tuhan yang mengasihi orang-orang Arab dan juga orang-orang Yahudi melalui salibNya akan benar-benar dinyatakan/ditunjukkan. (Ef. 3:6).

Berdoalah juga untuk keperluan serantau....

Berdoalah bagi anak-anak yatim Iraq. Berjuta-juta kanak-kanak telah kehilangan ibubapa mereka melalui pergumulan bersenjata selama empat setengah tahun di Iraq. Kita tidak harus berkeras hati apabila menghadapi kesakitan yang dialami oleh orang lain. Tuhan sentiasa mengingati yatim piatu dan janda-janda (Yakobus 1:27).

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim